



Hamidah (tiga, kiri) menyampaikan hadiah kepada Bashah.



Pengorbanan Bashah dan Hanisah mendapat pengiktiraf Ibu Mithali.

Semangat ibu lahirkan anak cemerlang

Sinar 18/6/12
MS 7

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

memandangkan masih tiada bekalan elektrik ketika itu.

Ditinggalkan suami ketika sedang

"Dada sebelah malamnya

Clelland

"Semangat orang dulu

Ditinggalkan suami ketika sedang mengandung anak kelapan adalah cabaran paling besar yang ditanggung seorang ibu dari Bukit Selambau.

Bashah Saad @ Osman, 66, berkata, setiap hari dia terpaksa bekerja keras demi membesarkan lapan anak dan sentiasa menitikberatkan pelajaran walaupun dirinya sendiri buta huruf.

Dia yang menetap di Kampung Tanah 50 Relung, Bukit Selambau berkata, anak adalah penguat semangat dirinya tatkala suka dan duka tanpa menghiraukan tohmahan dan cacian masyarakat terhadapnya. Apa pun dia tetap berusaha demi masa depan anak yang belum pasti.

"Apa yang saya fikirkan ialah hanya mahukan yang terbaik buat anak. Walaupun hidup saya sesukar mana sekalipun, saya tidak mahu ia jadi beban buat anak.

"Dugaan demi dugaan ditempuhi dengan kesabaran dan setiap kali mengenangkan kisah hidup kami sekeluarga, pasti diiringi dengan linangan air mata. Namun saya berazam agar tidak mahu nasib diri diwarisi anak yang tidak bersalah dalam hal ini," katanya kepada Sinar Harian.

Tanam minat belajar

Menurut Bashah, dia terpaksa menyara kesemua anak sendirian tanpa bantuan mana-mana pihak. Sesawal pagi, mereka keluar untuk menoreh getah sebelum ke sekolah setiap hari.

"Pada sebelah petang pula, anak diajar untuk menyiapkan kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran pada waktu siang,

"Pada sebelah malam pula, saya memperuntukkan masa mengajar al-Quran kepada anak secara bergilir-gilir kerana hanya ada dua pelita minyak tanah yang mampu disediakan bagi menjimatkan kos," katanya.

Menurutnya, walaupun kehidupan pada masa itu amat perit, dia tetap menanam minat anak supaya utamakan belajar dan tidak jemu untuk bertanyakan soal pelajaran walaupun dia sendiri tidak tahu membaca.

Dia juga berulang kali mengingatkan mereka agar tidak jadi sepertinya. Di samping itu, Bashah sentiasa meniup semangat dan motivasi agar anak menjadi insan yang berjaya seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Kedudukan sekolah juga agak jauh pada masa itu tetapi tidak menjadi penghalang bagi saya untuk terus menghantar mereka ke sekolah.

"Disebabkan kemiskinan dan tidak mampu menyediakan peruntukan kewangan yang tinggi, ada antara mereka diserahkan di bawah penjagaan guru sekolah yang menempatkan di asrama.

"Wang perbelanjaan pula menggunakan biasiswa sepenuhnya, cuma pada hari cuti sahaja mereka balik ke rumah," katanya.

Bashah berkata, berkat doa dan usaha berterusan, kesemua lapan anaknya membesar dan mendapat didikan sempurna. Anak sulung telah berjaya menyandang gelaran Sarjana Kejuruteraan Mekanikal dari University of

Cleveland, Ohio dan kini sebagai Pengurus Kanan di sebuah syarikat gas di Dubai.

Anak kedua dan keempat pula berjaya dalam bidang perniagaan manakala empat anak lain bergelar guru siswazah dan bongsu pula sebagai jururawat di Pusat Pakar Kanak-kanak Kuala Lumpur.

"Kini, saya tidak lagi dibenarkan menoreh getah dan membuat kerja berat tetapi hanya menumpukan sepenuh perhatian kepada cucu-cucu saya," katanya.

Bekas ketua kampung

Berbeza dengan Bashah, Habsah @ Hanisah Ismail, 76, masih lagi bertenaga dan nampak lebih muda daripada usia sebenar. Lebih mesra dengan panggilan 'mama', nenek kepada 11 cucu dan tiga cicit dari Semeling ini dilihat masih aktif.

Menurut Hanisah, dia pernah menjadi guru kelas dewasa di Semeling selama lapan tahun memberi didikan kepada warga emas yang tidak tahu membaca.

"Dalam kehidupan, saya sangat aktif berpersatuan iaitu sejak zaman 60-an lagi dan pernah berkhidmat sebagai ketua kampung selama 27 tahun.

"Pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) disertai termasuk Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI), Perkumpulan Wanita (WI), Hawa, Badan Kebajikan Masyarakat dan Penasihat Juvana.

Ketabahan
dua wanita
dijadikan
contoh

dan sekarang banyak bezanya. Jika dulu, segala harta dan tenaga dicurahkan kepada persatuan. Segala keringat dan pengorbanan juga tidak terkira tetapi kini banyak peruntukan dan kemudahan dilambakkan dalam persatuan," katanya.

Menurutnya, dia bukan sahaja menjadi mama kepada lima anaknya tetapi semua ahli persatuan dan masyarakat turut memanggil beliau dengan nama itu.

"Saya lebih suka dengan gelaran tersebut selain rasa lebih mesra dan dekat," katanya.

Pengorbanan dihargai

Berdasarkan kesungguhan, Bashah dan Hanisah dinobatkan sebagai Ibu Mithali peringkat Parlimen Merbok dan diraikan dalam satu majlis sempena Sambutan Hari Ibu yang turut dihadiri Ketua Penerangan Wanita Umno Malaysia merangkap Exco Kerajaan Negeri Perak, Datuk Hamidah Osman.

Menurut Hamidah, sumbangan kedua-dua individu terhadap pembangunan keluarga seterusnya membentuk masa depan anak cemerlang adalah satu tanggungjawab besar sekali gus mencorakkan masa depan negara yang lebih baik.

"Pemberian Anugerah Ibu Mithali ini sebagai penghargaan kepada ibu yang bersusah payah berkorban dan membesarkan anak.

"Diharapkan segala kesusahan dan kepayahan yang dilalui suatu masa dulu terubat dengan penghargaan masyarakat melalui anugerah ini," katanya.